KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

HM 19 Okt 2021_16

Melombong bijih besi dalam hutan simpan

Pekan: Unit Penguat kuasa Pahang Timur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengesan kegiatan melombong bijih besi secara haram dalam Hutan Simpan Papai di sini, Sabtu lalu.

Ketika serbuan pasukan penguat kuasa diketuai Pengawas Hutan Ahmad Yunus Mohd Jama menemui jengkaut berwarna kuning digunakan sindiket terbabit untuk menjalankan aktiviti tanpa lesen itu.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, kegiatan melombong secara haram itu berlaku di Kompartmen Lapan Hutan Simpan Papai.

Katanya, kegiatan melombong di kawasan terbabit dipercayai masih baharu dilakukan beberapa individu yang mempunyai rangkaian dengan pihak lain dan mereka mahir dalam menentukan kedudukan bahan galian terbabit.

Katanya, beberapa lubang ditemui dalam kawasan seluas 0.8 hektar selain beberapa longgok dipercayai bijih besi yang sedia untuk dipindahkan.

"Kawasan lombong itu berhampiran kampung kecil Orang Asli yang ditinggalkan dan jalan perhubungan yang baik menjadi kelebihan kegiatan melombong secara haram itu.

"Sindiket berkenaan dipercayai tidak melakukan kerja melombong sejak beberapa hari disebabkan jengkaut rosak dan mereka dalam proses membaikinya," katanya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya berusaha mengesan individu terbabit dengan kegiatan melombong secara haram itu dan boleh didakwa mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.



JENGKAUT yang digunakan sindiket untuk menjalankan aktiviti melombong di Hutan Simpan Papai.